

# Cabaran institusi beraja di Malaysia



Oleh NORAINI HASSAN BASRI

**M**ALAYSIA adalah satu daripada 43 buah negara di dunia yang mengamalkan sistem pemerintahan beraja dengan 30 daripadanya mengamalkan sistem raja berperlembagaan.

Negara ini telah mengamalkan sistem demokrasi berparlimen dan raja berperlembagaan sejak Tanah Melayu bebas daripada penjajahan British pada tahun 1957.

Demokrasi berparlimen bermaksud rakyat melibatkan diri dalam sistem pemerintahan negara dan raja-raja Melayu menjadi lambang tuat serta rakyat.

Sejak dahulu lagi, institusi beraja adalah sebuah institusi yang dipandang tinggi dan sangat dihormati oleh setiap lapisan masyarakat di negara ini.

Bagaimanapun, kebelakangan ini institusi beraja di negara ini menjadi topik perbualan rakyat. Selama ini perkara tersebut tidak dijadikan perdebatan secara terbuka.

Salah satunya adalah pendedahan yang dibuat oleh Tokoh Wartawan Negara, Datuk A. Kadir Jasin dalam blog peribadinya mengenai perbelanjaan Yang di Pertuan Agong, Sultan Muhammad V baru-baru ini.

Menerusi catatan tersebut, A. Kadir mendakwa Sultan Muhammad V membelanjakan sejumlah wang dalam tempoh 10 bulan sejak dilantik sebagai Yang di Pertuan Agong.

Dakwaan tersebut secara tidak langsung menimbulkan rasa kurang senang dalam kalangan rakyat terhadap institusi beraja di negara ini.

Menurut Penceramah Undang-Undang Universiti Islam Antarabangsa Malaysia, Prof. Madya Dr. Shamrahayu Abdul Aziz, adalah tidak wajar rakyat hanya memperkatakan tentang kelemahan institusi beraja tanpa melihat kepada kebaikan yang telah disumbangkan oleh institusi tersebut sejak sebelum pembentukan Tanah Melayu.

Katanya, cabaran yang dihadapi oleh institusi beraja sudah bermula apabila sembilan raja-raja Melayu menandatangani perjanjian dengan Sir Harold MacMichael pada tahun 1945 yang diketuli sebagai Perjanjian MacMichael.

"Raja-raja mengorbankan kedudukan mereka semasa kita mencapai kemerdekaan lalu menjadikan institusi beraja sebagai sistem raja berperlembagaan selain menerima prinsip kewarganegaraan.

"Kalau bukan kerana kewibawaan



KUASA raja-raja Melayu tentunya dikaji semula bagi mengokohkan kelangsungan sistem beraja di negara ini. - Gambar Ilustrasi

dan keberanian raja-raja Melayu, Tanah Melayu tidak akan terbentuk," katanya pada program Bicara Persada ke-40 bertajuk Pusan Pilihan Raya Umum ke-11 Mendepan Cabaran Melestarikan Institusi Beraja anjuran Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM) di Bangi baru-baru ini.

## Pindaan

Bagaimanapun, menurut Shamrahayu yang juga pakar Perlembagaan Persekutuan, kebijaksanaan raja-raja itu tidak ditilak dengan baik oleh masyarakat Malaysia ketika ini.

"Kerana kebijaksanaan raja-raja itulah institusi raja kekal selepas merdeka, agama Islam masih menjadi agama rasmi dan orang bukan Melayu mendapat kewarganegaraan," jelasnya lagi.

Dalam pada itu, jelas Shamrahayu, sejarah juga telah menunjukkan bahawa raja-raja tidak pernah menang apabila berlakunya pertembungan antara raja berperlembagaan dengan sistem demokrasi berparlimen.

Beliau memberi contoh pindaan Perkara 66 dan Perkara 32 serta beberapa Perkara lain yang berkaitan kedudukan Raja-Raja termasuk pengenalan kepada Perkara 182 dan 183 mengenai Mahkamah Khas pada tahun 1983 dan 1993.

"Sejarah pindaan Perlembagaan mengenal inisiatif raja-raja dan

kuasa Yang di Pertuan Agong berkaitan mahor besar menunjukkan bagaimana Istana telah dilimpit dan seterusnya menyaksikan Istana mengalah dengan memberikan laluan kepada demokrasi berparlimen untuk membuat pindaan kepada Perlembagaan Persekutuan.

"Kesan pindaan itu sangat besar terhadap kuasa dan fungsi raja-raja yang asalnya berdasarkan kepada sejarah negara dan telah dimuktamadkan dalam Perlembagaan Persekutuan secara muktamad dan menghormati institusi beraja seperti dalam terma rujukan pelantikan Suruhajaya Reid," ujarnya seperti dipetik dalam laporan akhbar baru-baru ini.

Bagaimanapun katanya, sikap beralah oleh pihak Istana dalam isu perlembagaan sebelum ini tidak bermaksud ia kekalahan sebenar kerana Istana sebaliknya mahu kekal relevan dalam sistem demokrasi berparlimen walaupun dalam ruang kuasa dan peranan yang semakin sedikit, kecil dan terhimpit.

Sementara itu, Dekan Kolej Undang-Undang, Kerajaan dan Pengajian Antarabangsa, Universiti Utara Malaysia, Prof. Madya Dr. Ahmad Marthada Mohamed berkata, masyarakat membuat kritikan atau desakan terhadap institusi beraja di negara kerana mereka tidak memahami kedudukan raja dalam perlembagaan.

Selain itu, katanya, masyarakat

juga tidak memahami dan menghayati prinsip-prinsip Rukun Negara yang mendukung perlembagaan bagi memastikan Malaysia menjadi sebuah negara yang stabil, harmoni dan kukuh dari segi perpaduannya.

"Masyarakat membuat kenyataan atau kritikan atau desakan kerana mereka tidak memahami perlembagaan dan tidak menghayati Rukun Negara yang jelas menyebut kesetiaan kepada raja dan negara dalam prinsip keduanya.

"Prinsip ketiga Rukun Negara iaitu keluhuran perlembagaan juga jelas menunjukkan perlembagaan itu adalah satu dokumen yang paling tinggi kedudukannya maka kalau kita mahu mengkritik atau memberikan pendapat kita tidak boleh lari daripada apa yang termaktub dalam perlembagaan," ujarnya.

Ahmad Marthada menambah, pindaan-pindaan yang dibuat

dalam perlembagaan adalah bagi memastikan konsep raja berperlembagaan itu selaras dengan sistem demokrasi berparlimen.

"Pindaan perlembagaan yang dibuat pada tahun 1993 juga adalah usaha kerajaan untuk melindungi raja-raja walaupun mereka melakukan kesalahan, hanya boleh didiil di Mahkamah Khas dan bukannya di mahkamah biasa," ujarnya.

**“Kerana kebijaksanaan raja-raja itulah institusi raja kekal selepas merdeka, agama Islam masih menjadi agama rasmi dan orang bukan Melayu mendapat kewarganegaraan”**



SHAMRAHAYU



AHMAD MARTHADA